

Akur henti pengeluaran kupang

Nelayan mungkin rugi puluhan ribu ringgit jika ternakan mati dicemari biotoksin

Oleh Mohd Khidir Zakaria
bhnews@bh.com.my

Port Dickson: Beberapa pengusaha ternakan kupang di sini, akur dengan arahan pihak berkuasa untuk menghentikan pengeluaran hidupan laut itu selepas ia disahkan tercemar.

Jabatan Perikanan Malaysia semalam mengesahkan kupang di perairan daerah ini, khususnya di Kampung Telok dan Sungai Sekawang di Pasir Panjang sudah dicemari biotoksin dan tidak selamat untuk dimakan.

Seorang penternak kupang, Mohd Khairil Mohd Rashid, 31, berkata kejadian seperti itu kali pertama berlaku sejak dia terabit dalam industri ternakan berkenaan hampir enam tahun lalu.

"Ini kali pertama berlaku sejak keluarga saya mengusaha-

Kupang Port Dickson dicemari biotoksin, tak selamat dimakan

Jabatan Perikanan Malaysia mengesahkan bahawa kupang di kawasan ini tidak selamat untuk dimakan kerana tercemar biotoksin.



Keratan akhbar BH, semalam.

kan ternakan kupang, namun akur dengan arahan pihak berkuasa agar kami 'berehat' sebentar mengeluarkan kupang, terutama pada musim perayaan Aidilfitri tidak lama lagi.

"Kami nelayan khususnya pengusaha kupang sememangnya terjejas, tapi demi keselamatan orang ramai, terutama penggemar kupang, kami akan menghentikan pengeluaran," katanya ketika di ditemui di sini, kelmarin.

Mohd Khairil berharap masalah itu akan pulih segera selain mengakui lega kerana kupang ternakan miliknya tidak mati seperti kerang.

"Keadaan ini memang merugikan. Kami percaya ia akan pulih biarpun terpaksa mengambil masa sedikit. Jika kupang kami habis mati, kerugian mungkin cecah puluhan ribu ringgit.

"Justeru, kami berharap agar Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perikanan buat siasatan serta kajian lebih lanjut lagi," katanya.

Mohd Khairil berkata, sebagai pengusaha, mereka tidak tahu kupang ditenak sudah dicemari biotoksin sehingga dimaklumkan Jabatan Perikanan bahawa kupang yang ditenak mengandungi toksik.

Tiada perkara luar biasa

Seorang lagi penternak kupang, Othman Sulaiman, 40, berkata tiada perkara luar biasa yang dilihat berlaku di kawasan perairan itu sebelum ini selain menyifatkan kes kupang mati perkara biasa.

Beliau tidak menolak proses pemulihan akan mengambil masa, terutama sekali untuk mendapatkan keyakinan pembeli yang bimbang jika terbeli kupang beracun.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah, berkata berdasarkan analisis oleh makmal Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur, kupang di perairan Port Dickson disahkan tercemar.



Pegawai Jabatan Perikanan mengambil sampel kupang di Kampung Telok, Pasir Panjang, semalam. (Foto BERNAMA)

"Analisis yang dijalankan mendapati terdapat alga berbahaya iaitu spesies prorocentrum, alexandrium dan pseudonitzschia pada kupang yang diambil sampel di perairan Port Dickson.

"Jabatan akan meneruskan pemantauan berterusan dengan melakukan pengujian secara berkala mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang dite-

apkan sehingga kepadatan sel di dalam air berkurang dan biotoksin di dalam isi kupang tidak dikesan," katanya pada sidang media petang semalam.

Wan Muhammad meminta orang ramai supaya tidak mengambil kerangan seperti lala, kerang dan lokan di Port Dickson, selain pihaknya melaksanakan larangan jualan kerangan di pasar awam.